



Analisis pola pengundian etnik Cina dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang, Johor

Junaidi Awang Besar¹, Mohd Fuad Mat Jali¹, Mohd Faiz Mohd Zain²

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, ²Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Correspondence: Junaidi Awang Besar (email: jab@ukm.my)

Abstrak

Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang, Johor 2011 diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya, iaitu Datuk Sulaiman Taha. DUN Tenang terletak dalam kawasan pilihan raya Parlimen Labis (terletak dalam daerah Segamat, utara negeri Johor) merupakan kawasan kubu kuat UMNO/BN. Kawasan ini meliputi kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), kampung tradisi Melayu, estet kelapa sawit dan pekan yang didiami etnik Cina. Dalam pilihan raya kecil ini, sokongan etnik Cina menjadi penentu dan akan mempengaruhi naik-turun undi popular BN. Sehubungan dengan itu, tujuan artikel ini untuk menganalisis trend pengundian etnik Cina dalam PRK DUN Tenang. Persoalan yang cuba dilihat ialah faktor-faktor yang mempengaruhi pola pengundian mereka dalam pilihan raya tersebut. Analisis daa berdasarkan pemerhatian dan temu bual di lapangan menunjukkan kawasan yang majoritinya pengundi etnik Cina memihak kepada parti pembangkang/PAS namun kawasan majoriti Melayu terus didominasi UMNO/BN. Sokongan pengundi kaum Cina kepada parti pembangkang/ Pakatan Rakyat adalah kerana mereka percaya bahawa Pakatan Rakyat dapat menjadi kerajaan alternatif di peringkat negeri dan pusat bagi memperjuangkan hak mereka, memberikan keadilan sosial, ekonomi dan politik yang menyeluruh tanpa mementingkan sesuatu kaum sahaja. Pengundi Cina juga berani untuk mengubah sokongan mereka dengan memberi peluang kepada parti pembangkang untuk berkuasa sama ada di peringkat negeri mahupun pusat. Hasil kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak berkenaan untuk menentukan faktor yang mempengaruhi pola pengundian etnik Cina dan ini boleh asas bagi merangka strategi dalam pilihan raya umum yang akan datang.

Katakunci: Dewan Undangan Negeri, etnik Cina, keadilan sosial, Kerajaan Negeri, Pilihan Raya Kecil, pengundi

An analysis of the Chinese voting pattern in the by-election of Tenang constituency Legislative Assembly (DUN), Johor

Abstract

The by-election of Tenang constituency Legislative Assembly area, Johor 2011 was held following the death of the incumbent Datuk Sulaiman Taha. Tenang located in the parliamentary election area of Labis (located in the district of Segamat, northern state of Johor) was the stronghold of the UMNO /BN. The constituency covers an area of the Federal Land Development Authority (FELDA), Malay traditional villages, oil palm estates and small towns that are homes to Chinese. In this election, the Chinese support could be decisive and will influence the BN's popular vote. Accordingly, the purpose of this article to analyse the patterns of Chinese ethnic voting in this by-election. The present study explores factors that influence their political behavior in the by-election. Result of analysis of data gathered through field observations and interviews showed that majority of ethnic Chinese

voters were in favor of the opposition party / PAS but the Malay majority continued to support UMNO /BN. The Chinese support for the Opposition / PR was mainly attributed to the believe that Pakatan Rakyat (PR) or opposition party can be the alternative governments at state and federal levels. The opposition party is more capable of exercising their rights to provide social justice, economic and political as a whole disregard of their ethnic origins. Chinese voters also dare to change their support by giving the opposition the power whether at the state or national levels. These findings provide guidance to the parties concerned in determining the factors that influence the voting patterns among the chinese and this can be used as a basis for formulating strategy in the next general election.

Keywords: by-election, Chinese ethnic, social justice, State Legislative Assembly, the State Government, voters

Pengenalan

Pilihan Raya Kecil (PRK) adalah suatu pemilihan yang diadakan secara tidak dirancang di sesuatu kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) ataupun Parlimen. Ia boleh diadakan kerana beberapa sebab seperti kematian wakil rakyat kawasan berkenaan, wakil rakyat muflis ataupun meletakkan jawatan. Pilihan politik rakyat Malaysia dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 8 Mac 2008 telah mengubah landskap politik negara. Ianya mengubah status quo Barisan Nasional (BN) yang menguasai 2/3 kerusi Parlimen sejak pilihan raya umum 1955 yang menyaksikan parti pemerintah iaitu BN telah kehilangan 82 kerusi Parlimen dan 198 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kepada parti-parti pembangkang/oposisi (PAS, DAP dan PKR) yang kemudiannya dikenali sebagai Pakatan Rakyat (PR). Situasi tersebut juga menyaksikan dominasi kuasa politik BN berakhir dengan BN hilang kuasa di empat negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor dan terus tewas di Kelantan kepada Parti Islam Semalaysia (PAS). Fenomena tersebut ibarat gelombang besar atau tsunami yang melanda senario politik negara yang tidak dijangkakan. Namun begitu, BN masih utuh di wilayah Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak kerana BN menguasai 54 kerusi Parlimen iaitu 96 peratus daripada keseluruhan 56 kerusi di Malaysia Timur/Kepulauan Borneo tersebut. Keadaan politik negara dirancakkan lagi dengan kegagalan rancangan Pakatan Rakyat untuk menawan Putrajaya (Rancangan 16 September 2009) dengan memujuk ahli parlimen BN untuk menyeberang ke PR sebaliknya BN pula yang berjaya mengambilalih pemerintahan di negeri Perak berikutan tindakan 3 orang ADUN PR keluar parti serta mengisytiharkan diri mereka sebagai wakil rakyat Bebas mesra BN. Seterusnya berlangsung pula beberapa siri Pilihan Raya Kecil (PRK) di Permatang Pauh, Kuala Terengganu, Penanti, Permatang Pasir, Bukit Gantang, Bukit Selambau, Manek Urai dan Sibul yang dimenangi PR; dan Batang Air, Bagan Pinang, Hulu Selangor, Batu Sapi, Galas, Tenang, Merlimau dan Kerbau yang dimenangi BN. Pilihan raya kecil Tenang 2011 merupakan pilihan raya kecil ke-14 yang diadakan di Malaysia selepas pilihan raya umum ke-12 berikutan kematian Ahli Dewan Undangan Negeri Datuk Sulaiman Taha pada 17 Disember 2010 akibat jangkitan kuman dalam darah serta suhu badan yang tidak stabil. Pilihan raya kecil ini diadakan pada 30 Januari 2011 manakala tarikh penamaan calon ditetapkan pada 22 Januari 2011. Justeru itu, tujuan artikel ini adalah untuk memaparkan pola pengundian kaum Cina dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Tenang, Johor; faktor-faktor yang memangkin sokongan mereka terhadap parti-parti yang bertanding dalam PRK tersebut; serta budaya politik etnik Cina/Tionghoa di Malaysia.

Kawasan kajian dan sejarah Pilihan Raya

Kawasan DUN Tenang terletak di utara negeri Johor dalam Parlimen Labis (Segamat) berkeluasan 331.36 Km Persegi dan mempunyai 12 kawasan daerah mengundi. Ia merangkumi kawasan penempatan FELDA (Felda Tenang, Felda Chempelak dan Felda Chempelak Barat), perkampungan Melayu tradisi (Kampung Redong, Kampung Sawah Baru), pekan (Labis, Labis Tengah, Labis Timor, Tenang Station dan Pekan Ayer Panas) dan estet/ladang kelapa sawit (Ladang Sawah Dato dan Ladang Labis Utara). DUN Tenang

mempunyai 14,753 pemilih berdaftar yang terdiri daripada 14,735 pemilih biasa dan 18 pemilih biasa, Daripada jumlah itu, 7,014 orang (47.54 peratus) terdiri daripada kaum Melayu, Cina (5,766/38.13 peratus), India (1,780/12.11 peratus), dan Orang Asli dan lain-lain (193/0.10 peratus) dengan kebanyakan penduduk bekerja sebagai petani, pekerja di ladang getah dan kelapa sawit.

Geografi pilihan raya adalah kajian aspek ruangan organisasi manusia dan keputusan pilihan raya. Subjek kajian yang utama adalah manusia dan interaksinya dengan proses pengundian termasuk keputusan pilihan raya (Amer Saifude Ghazali, 2008). Pada pilihan raya umum 1959, 1964 dan 1969, persempadanan kawasan yang dilakukan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya memperlihatkan kawasan Tenang dikenali sebagai 'Labis' manakala pada pilihan raya umum 1974, 1978 dan 1982 ia dikenali pula sebagai 'Ayer Panas'. Nama DUN Tenang mula digunapakai selepas persempadanan semula kawasan pilihan raya tahun 1985 iaitu menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) 1986. Sejak pilihan raya 1986 hingga pada hari ini DUN ini dimenangi oleh UMNO/BN. Sejarah membuktikan DUN Tenang merupakan kubu kuat BN di Johor. Jadual 1 menunjukkan senarai ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan ini. Pilihan Raya Umum 1986 di DUN Tenang melibatkan pertandingan dua penjujur antara calon BN/UMNO (Bahari Haron) dengan calon PAS (Mohd Saim Siram). Calon BN/UMNO menang dengan majoriti 8,472 undi. Jumlah undi yang diperolehi oleh calon BN/UMNO ialah 10,279 manakala calon PAS 1,807 undi (Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya, 1986).

Jadual 1. Senarai ADUN Kawasan Tenang dari tahun 1959 hingga 2008

Tahun	Nama Wakil Rakyat	Parti	Majoriti
1959	Elias Abu Bakar	Perikatan/UMNO	3,310
1964	Teo Ah Kiang	Perikatan/MCA	2,833
1969	Teo Ah Kiang	Perikatan/MCA	6,895
1974	Teo Ah Kiang	Perikatan/MCA	4,825
1978	Teo Ah Kiang	Perikatan/MCA	6,050
1982	Law Lai Heng	Perikatan/MCA	9,351
1986	Bahari Haron	BN/UMNO	8,472
1990	Bahari Haron	BN/UMNO	4,854
1995	Bahari Haron	BN/UMNO	11,125
1999	Ibrahim Daud	BN/UMNO	8,649
2004	Sulaiman Taha	BN/UMNO	5,517
2008	Sulaiman Taha	BN/UMNO	2,492

Sumber: Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya (1959-2008)

Kemudian pada PRU 1990, pilihan raya kawasan DUN Tenang melibatkan pertandingan dua penjujur antara calon BN/UMNO iaitu penyandang (Bahari Haron) dengan calon S46 (Asiah Riman). Calon BN/UMNO menang dengan majoriti 4,854 undi. Jumlah undi yang diperolehi oleh calon BN/UMNO ialah 9,978 undi manakala calon S46 mendapat 5,124 undi (Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya, 1990). Pilihan Raya Umum ke-9 (1995) pula melibatkan pertandingan dua penjujur antara calon BN/UMNO yang juga penyandang (Bahari Haron), calon S46 (Lahori Jemikan). Calon BN/UMNO menang dengan majoriti 11,125 undi. Jumlah undi yang diperolehi oleh calon BN/UMNO ialah 13,668 undi dan calon S46 memperolehi 2,543 undi (Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya 1995). Seterusnya pada pilihan raya 1999 pula melibatkan pertandingan satu lawan satu antara calon BN/UMNO yang juga muka baru (Ibrahim Daud) dengan calon PAS (Rozali Jamil). Calon BN/UMNO menang dengan majoriti 8,649 undi. Jumlah undi yang diperolehi oleh calon BN/UMNO ialah 12,774 undi manakala calon PAS 4,125 undi (Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya, 1999). Pilihan raya 2004 melibatkan pertandingan satu lawan satu antara calon BN/UMNO yang juga merupakan muka baru (Sulaiman Taha) dengan calon PAS (Mohd Saim Siram). Calon BN/UMNO menang dengan majoriti 5,517 undi. Jumlah undi yang diperolehi oleh calon BN/UMNO ialah 7,655 undi manakala calon PAS 2,138 undi (Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya, 2004). Pilihan raya umum 2008 yang merupakan Pilihan Raya Umum yang ke-12 melibatkan

pertandingan dua penjuar antara calon BN/UMNO Sulaiman Taha dengan calon PAS Mohd Saim Siram. Jumlah undi yang diperolehi oleh Sulaiman Taha ialah 6,367 undi manakala Mohd Saim Siram pula mendapat 3,875 undi (Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya, 2008).

Etnik Cina di Malaysia

Etnik atau *ethnos* dalam bahasa asal Greek membawa maksud kumpulan manusia atau bangsa. Ia merujuk kepada pengenalan diri seseorang ke dalam kumpulan yang mempunyai latar belakang keturunan nenek moyang yang sama. Mereka mempunyai keturunan dari segi sejarah, negara asal, bahasa, tradisi, budaya, struktur dan sistem nilai. Mengikut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka pula, etnik merujuk kepada sesuatu kaum atau masyarakat majmuk yang mempunyai kelompok, yang hidup berlainan tetapi di bawah sistem politik yang sama. Masyarakat Cina/Tionghoa di Malaysia adalah penghijrah yang menjadi warganegara atau penduduk tetap di Malaysia. Kebanyakan mereka ialah keturunan dari negara China yang tiba di Malaysia sekitar abad ke-15 hingga pertengahan abad ke-20. Di Malaysia, lazimnya kaum ini dirujuk sebagai "orang Cina" dalam semua bahasa. Orang Cina 'gelombang pertama' datang pada abad kelima belas semasa Puteri Hang Li Po dikahwinkan kepada Sultan Melaka, membawa bersama golongan bangsawan, pengikut-pengikut dan hamba dari negara China. Kebanyakan daripada mereka berketurunan Fujian. Rombongan tersebut membawa masuk orang Cina yang kemudiannya berkahwin dengan penduduk tempatan membentuk masyarakat 'Peranakan'. Lelaki berketurunan 'Peranakan' digelar Baba bagi lelaki dan Nyonya bagi perempuan. Orang Cina 'gelombang kedua' pula muncul pada abad ke-19 dan ke-20 iaitu keadaan di mana orang Cina berhijrah secara beramai-ramai ke Malaya. Mereka dari selatan China terutamanya dari daerah Fujian, Guangdong, Guangxi dan Hainan. Mereka membentuk penempatan di Perak dan Selangor terutamanya di lombong-lombong bijih timah untuk bekerja sebagai buruh lombong dengan sokongan British. Selain itu, mereka juga menetap di Negeri-negeri Selat. Etnik Cina di Malaysia terdiri daripada beberapa suku dialek. Terdapat enam kumpulan dialek utama iaitu Hakka, Kantonis, Fujian, Teochew, Hainan dan Fuzhou. Bagi masyarakat Cina, terdapat tiga teras utama yang sangat berpengaruh dalam membentuk sikap dan pendirian politik mereka dan dianggap sebagai *the three pillars of Chinese identity in Malaysia* (Tiga Teras Identiti Cina - TTIC) iaitu Pendidikan Cina; Media Cina dan Huatuan (Pertubuhan Cina).

Metodologi

Data kajian ini diperolehi melalui dua sumber utama iaitu sumber primer dan sekunder. Data primer diperolehi melalui pemerhatian di lapangan dan tinjauan bersemuka terhadap pengundi di kawasan kajian untuk melihat perubahan landskap budaya politik, keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan. Sumber sekunder diperolehi melalui kaedah kepustakaan dan rujukan atas talian internet yang digunakan untuk mendapatkan data sekunder yang berkaitan data pilihan raya di kawasan kajian dan persepsi pihak yang berkenaan terhadap sokongan pengundi Cina dalam pilihan raya kecil di kawasan kajian.

Ulasan literatur: Politik etnik

Kajian-kajian awal ke atas faktor etnik atau kaum dalam mempengaruhi pola tingkah laku politik pengundi bukan sahaja dijalankan oleh pengkaji bidang geografi, malah oleh pengkaji bidang politik, psikologi dan sosiologi. Proses politik di Malaysia seperti pembentukan parti politik, pemilihan calon dan pola sokongan dalam pilihan raya lebih dipengaruhi oleh keperluan dan aspirasi komuniti etnik tertentu. Untuk mencapai matlamat politik dan ekonomi etnik, jalan yang paling mudah adalah melalui proses politik dan melihat pilihan raya sebagai jalan yang signifikan untuk mencapai keperluan etnik masing-

masing. Oleh itu, kejayaan dan *survival* sebahagian parti politik dalam pilihan raya bergantung kepada latar belakang etnik calon, komposisi etnik dalam kawasan pilihan raya, isu-isu berkaitan etnik yang diperjuangkan oleh parti politik tertentu dan isu etnik setempat dalam sesebuah kawasan pilihan raya (Vasilm, 1971; Rizal dan Jummat, 2002). Mc Gee (1962) juga mendapati etnik merupakan faktor penting dalam proses politik di Malaysia. Beliau menyatakan faktor etnik, kewilayahan dan personaliti calon mendominasi politik negara dalam tahun 1950-an. Sokongan yang diperolehi oleh parti yang berasaskan etnik seperti PAS dan PPP menunjukkan corak politik yang sedemikian mendominasi iklim politik secara keseluruhan. Parti juga dikuatkan dengan meletakkan calon daripada etnik tertentu untuk satu kawasan pilihan raya yang etnik tertentu adalah dominan.

R. K. Vasil (1972) dalam bukunya *Politics in a Plural Society: A Study of Non-Communal Political Parties in West Malaysia* menyatakan bahawa faktor etnik ini perlu dilihat dari sudut perkembangan parti politik yang bersifat berbilang kaum. Tesis Vasil ialah parti politik yang padanya, asalnya bersifat berbilang kaum bertukar kepada parti bukan Melayu dan akhirnya menjadi organisasi bukan Melayu yang bersifat perkauman. Teh Ting Ting (1996) dalam kajian trend pengundian kaum Cina di Pulau Pinang mendapati bahawa faktor ekonomi adalah penentu yang signifikan terhadap tingkah laku pengundian Cina dalam pilihan raya umum tahun 1995 di Pulau Pinang. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa sebilangan pengundi yang mengidentifikasikan diri mereka dengan parti tertentu tetapi tidaklah begitu setia kepada parti dan akan berubah sikap mengikut keadaan. Pendekatan pemilihan rasional dan pendekatan identifikasi parti penting dalam proses pembentukan trend pengundian Cina di Pulau Pinang. Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad (2002) dalam kajian pilihan raya 1999 mendapati bahawa faktor kaum masih relevan dalam pilihan raya di Malaysia. Namun demikian, pilihan raya umum 1999 menggambarkan kemungkinan faktor tersebut mungkin berkurangan pada masa hadapan dan menjadi salah satu elemen yang penting dalam perkembangan politik baru di Malaysia.

Faktor kaum jika dikaitkan dengan kewilayahan juga boleh mempengaruhi pola pengundian. Umumnya, orang Melayu di wilayah utara, tengah dan selatan cenderung memihak kepada UMNO manakala di wilayah timur memihak kepada PAS. Bagaimanapun, hal ini tidak konklusif dalam konteks negeri Sabah dan Sarawak. Masni Sanol (2002) dalam kajian faktor etnik dalam pilihan raya Parlimen P161 Sandakan, Sabah mendapati bahawa sokongan pengundi terhadap parti masih lagi didasari oleh faktor etnik. Terdapat perbezaan yang signifikan antara empat lapisan masyarakat yang mendominasi kawasan tersebut. Etnik Bumiputera bukan Islam dan kaum Cina lebih menitikberatkan bangsa dan agama calon dalam membuat pertimbangan dan penilaian sesebuah parti dalam pilihan raya. Bagi etnik Bumiputera Islam dan kaum lain didapati lebih menunjukkan semangat kepartian dalam menyokong mana-mana calon yang bertanding dan menolak pengaruh etnik tersebut dalam pilihan raya. Seterusnya, Ng (2003) melihat prestasi tiga parti yang berasaskan etnik Cina dalam kawasan pilihan raya majoriti orang Cina pada pilihan raya umum 1999. Kebanyakan kawasan pilihan raya majoriti orang Cina terletak dalam kawasan bandar. Secara keseluruhannya, sokongan orang Cina kepada Gerakan dan MCA sebagai parti komponen BN adalah sebanyak 51 peratus di kawasan pilihan raya berkenaan dan 46 peratus kepada DAP sebagai parti pembangkang. Sokongan orang Cina kepada Gerakan dan MCA adalah disebabkan sebahagian orang Cina berpuas hati dengan perubahan dasar kerajaan terhadap orang Cina selepas daripada peristiwa rusuhan etnik 1969. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dilihat banyak memberikan kebaikan kepada kepentingan orang-orang Cina.

Amer Saifude Ghazali (2008) dalam kajian politik etnik dalam parlimen 2008 di Malaysia mendapati bahawa di kawasan pilihan raya bercampur (tidak ada satu etnik majoriti dalam kawasan pilihan raya), kebanyakannya dimenangi oleh pakatan parti pembangkang sedangkan dalam pilihan raya umum sebelumnya ia merupakan kubu terkuat BN. Beliau juga mendapati pengundi berani memilih parti pembangkang seterusnya secara jelas menolak idea politik pembangunan. Nazli Aziz (2008) dalam kajian pilihan raya umum ke-12 dan perhubungan kaum di Malaysia mendapati bahawa walaupun landskap politik yang berlandaskan kaum di Malaysia mungkin akan kekal sebagai satu arena untuk menguji pengaruh dan kekuatan parti, senario pasca pilihan raya umum ke-12 menunjukkan suatu evolusi fenomena yang signifikan dalam mengubah status quo politik di Malaysia daripada bersifat eksklusif

kepada satu kaum kepada supra-etnik. Sebilangan rakyat Malaysia memberi satu sokongan yang mengejutkan kepada parti pelbagai kaum yang mungkin memberikan satu alternatif baru kepada hala tuju perjuangan dan pembangunan sistem governans parti politik di Malaysia pada masa akan datang.

Junaidi Awang Besar et al. (2009) dalam kajian "Pilihan Raya Kecil DUN Bukit Selambau (N25) April 2009: Satu Tinjauan Dari Sudut Etnik" mendapati bahawa responden etnik Melayu, Cina dan India menjadikan televisyen sebagai sumber maklumat utama mereka. Dari segi kriteria pemilihan calon pula, 90.9 peratus responden Cina menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat berbanding Melayu (67.9 peratus) dan India (66.1 peratus). 77.5 peratus responden Melayu, 54.5 (Cina) dan 69.6 peratus (India) menyatakan isu pemulihan ekonomi menjadi perbualan utama di kawasan mereka. Merujuk kepada jangkaan kemenangan parti dalam pilihan raya kecil DUN Bukit Selambau, 41.2 peratus responden Melayu, 45.5 peratus (Cina) dan 41.1 peratus (India) menyatakan PKR akan memenangi pilihan raya tersebut berbanding BN 29.4 peratus (Melayu), 18.2 peratus (Cina) dan 30.4 peratus (India). Junaidi Awang Besar et al. (2009) dalam kajian "Pola Politik Mengikuti Kaum Di Kawasan Parlimen Bukit Gantang (P059) mendapati responden Melayu lebih cenderung menyokong kepimpinan UMNO-BN berbanding responden Cina dan India pula lebih memihak kepada pihak Pakatan Rakyat/PAS. Merujuk kepada jangkaan kemenangan parti dalam pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gantang, 27.0 peratus responden Melayu, 34.2 peratus Cina dan 57.3 peratus India menyatakan PAS akan memenangi pilihan raya tersebut berbanding BN 45.5 peratus responden Melayu, 35.5 peratus (Cina) dan 20.8 peratus (India). Ketiga-tiga kaum menyatakan Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak akan menjadi Perdana Menteri yang dapat menerajui pembangunan Malaysia dengan lebih baik. Junaidi Awang Besar et al. (2010) dalam kajian "Pilihan Raya Kecil Kawasan Parlimen Hulu Selangor 2010: Politik Pembangunan dan Pola Pengundian" mendapati kawasan daerah mengundi majoriti pengundi Melayu di kampung-kampung tradisi serta penempatan FELDA memberikan undi yang tinggi kepada BN namun di kawasan majoriti etnik Cina di kampung-kampung baru dan pekan memberikan undi yang semakin meningkat kepada Pakatan Pembangkang.

Trend pengundian kaum Melayu di bahagian tengah dan selatan Semenanjung Malaysia dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 seterusnya pada pilihan raya-pilihan raya kecil (PRK) pada tahun 2008 hinggalah 2011 menunjukkan bahawa mereka secara dominannya menyokong parti pemerintah Malaysia sekarang iaitu Barisan Nasional (BN), manakala kaum Cina pula berkecenderungan dan mengundi calon-calon daripada parti-parti pembangkang/oposisi atau lebih dikenali sebagai Pakatan Rakyat (Junaidi Awang Besar et al., 2011a). Keputusan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Sarawak 2011 menunjukkan pola pengundian kaum Melayu/Melanau terus bertahan dengan sedikit peningkatan kepada Barisan Nasional (BN) namun bagi kaum Cina memperlihatkan sokongan mereka semakin meningkat kepada parti-parti pembangkang iaitu DAP dan PKR manakala bagi kaum Dayak (Iban, Bidayuh dan Orang Ulu) pula menunjukkan berlaku sedikit kemerosotan terhadap sokongan kepada BN (Junaidi Awang Besar et. al, 2011b). Junaidi Awang Besar dan Mohd Fuad Mat Jali (2011) mendapati majoriti pengundi Melayu di kawasan Tenang, Kerdu dan Merlimau menyokong UMNO/BN. Mereka berpendapat kuasa politik Melayu perlu dikekalkan melalui parti UMNO/BN kerana pentingnya pengekalan kuasa politik diberi kepada pemimpin parti yang berteraskan etnik/kaum Melayu iaitu UMNO di samping sentimen politik pembangunan yang menebal dalam pemikiran pengundi Melayu. Mereka juga berpandangan kestabilan politik dan kesinambungan pembangunan negara hanya akan tercapai melalui parti UMNO/BN yang telah sekian lama memerintah negara ini melalui pengalaman dan kepakaran serta politik permuafakatan dan tolak ansur UMNO terhadap kaum-kaum bukan Melayu di Malaysia.

Hasil kajian: Pola pengundian Pilihan Raya Kecil Dun Tenang

Dalam PRK ini ia melibatkan pertandingan dua penjurua antara calon BN/UMNO iaitu Mohd Azhar Ibrahim dan Calon PAS (Normala Sudirman). Mohd Azhar Ibrahim adalah Penolong Pegawai Daerah

Rengit dan juga merupakan bekas bendahari Pemuda UMNO Labis (Berita Harian, 19 Januari 2011). Manakala Normala Sudirman pula, merupakan Ketua Muslimat PAS Labis serta merupakan Exco Muslimat PAS Pusat. Dalam PRK ini, calon BN/UMNO menang dengan majoriti 3,707 undi. Calon BN/UMNO memperolehi 6,699 undi manakala calon PAS pula memperolehi 2,992 undi. Peratusan yang keluar mengundi adalah 67 peratus manakala jumlah undi yang ditolak adalah 142 undi (Utusan Malaysia & Berita Harian 31 Januari 2011). Analisis dalam PRK ini menunjukkan pola undi Cina cenderung kepada parti pembangkang/Pakatan Rakyat (PR). DUN Tenang mempunyai 12 daerah mengundi dengan salah satu daerah mengundi Cina berpihak kepada PAS iaitu di kawasan Bandar Labis Tengah (Lihat Jadual 2).

Jadual 2. Keputusan PRK DUN Tenang mengikut daerah mengundi

Daerah Mengundi	BN	PAS	Majoriti	Rosak
Bandar Labis Tengah (Cina)	365	851	-486	16
Labis (campuran)	400	336	64	8
Bandar Labis Timur (campuran)	669	632	37	16
Sawah Baru (Melayu)	212	55	157	1
Chempelak (Melayu)	985	135	850	15
Chempelak Barat (Melayu)	838	142	696	6
Kampung Redong (Melayu)	462	105	357	12
Tenang Station (campuran)	744	351	393	19
Pekan Air Panas (Melayu)	451	83	368	12
Ladang Labis Utara (India)	152	40	112	11
Felda Tenang (Melayu)	955	160	795	17
Ladang Bukit Dato' (India)	351	99	252	8
Undi Pos	115	3	112	1
JUMLAH	6,699	2,992	3,707	142

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya/SPR (2011)

Jadual 2 di atas menunjukkan daerah mengundi yang majoritinya (>80 peratus) adalah pengundi Cina berpihak kepada PAS, iaitu Bandar Labis Tengah. Manakala daerah-daerah mengundi lain yang majoriti pengundinya Melayu, India dan campuran berpihak kepada BN. Barisan Nasional memenangi tiga daripada empat kawasan majoriti Cina. BN menang di Labis Timur (63.4 peratus Cina), Labis (58.3 peratus Cina) dan Tenang Station (54 peratus Cina) dan kalah di Labis Tengah (95.7 peratus Cina). Antara penyebab kekalahan BN di daerah mengundi majoriti Cina (Labis Tengah) ialah penerusan daripada 'tsunami politik' 2008 telah berlaku di mana ramai calon parti pembangkang telah meraih banyak undi daripada pengundi yang sebelum itu tidak pernah mengundi parti pembangkang. 'Tsunami politik' tersebut terus 'membadai' dalam PRK, walaupun calon pembangkang tidak menang secara keseluruhannya di peringkat DUN (Mazlan Mutalib, 2011). PAS menang di kawasan ini kerana protes pengundi Cina terhadap BN masih belum padam bersandarkan kepada ketidakpercayaan pengundi terhadap kepimpinan Presiden MCA dan kegagalan kepimpinan negara untuk mengamalkan ketelusan dan keadilan dalam pembangunan sosial dan ekonomi kepada semua kaum.

Perbincangan: Politik Cina di Malaysia

Sentimen politik masyarakat Cina di Malaysia dahulunya lebih mengutamakan faktor ekonomi dan keselesaan menjalankan aktiviti perniagaan dan mencari rezeki kekayaan. Perdana Menteri pertama (Tunku Abdul Rahman) pernah berpendapat masyarakat Cina lebih mengutamakan faktor ekonomi sementara masyarakat Melayu lebih mengutamakan politik. Namun pendapat Tunku Abdul Rahman tidak lagi relevan dalam keadaan ekonomi sekarang ini. Semakin ramai bijak pandai Cina yang ingin menjadi peneraju negara dan hanya boleh dicapai melalui proses politik. Parti politik yang majoritinya etnik Cina

ialah MCA dan GERAKAN yang berada di dalam Kerajaan dan membentuk polisi/dasar Kerajaan. Sementara itu, DAP pula merupakan parti pembangkang yang didominasi orang Cina, ditubuhkan semenjak 1966 lagi. Ramai penganalisis berpendapat apa yang tidak dapat diperjuangkan oleh MCA dan Gerakan akan diperjuangkan dari luar oleh DAP. Oleh yang demikian MCA, GERAKAN dan DAP saling lengkap melengkapi. MCA dibentuk dan berperanan semenjak zaman penjajahan British di mana MCA berperanan menjayakan Rancangan Briggs bagi menempatkan penduduk Cina di tepi hutan dan luar bandar ke kampung-kampung baru. Kebanyakan kampung baru ini telah bertukar menjadi bandar dan mempunyai kepentingan ekonomi dan politik yang penting di Malaysia. Antaranya ialah Kulai, Segamat, Kluang, Raub, Kajang, Bidor, Petaling Jaya, Serdang, Sungai Besi dan lain-lain. Boleh dikatakan semua majoriti penduduk bandar-bandar di Malaysia adalah kaum Cina. Kebudayaan mereka amat ketara sekali apabila pelancong melalui kawasan bandar sehinggakan setiap bandar dapat dikatakan sebagai 'China town'.

Penduduk Cina banyak bertumpu di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia, terutama sekali di kawasan bandar besar seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Georgetown, Ipoh, Pulau Pinang, Seremban dan Kuantan. Pola pengundian di kawasan bandar-bandar utama tersebut cenderung menunjukkan bahawa mereka tidak mengundi Barisan Nasional kecuali setelah dilakukan persempadanan semula kawasan pilihan raya. Pilihan raya kecil di Malaysia memperlihatkan dengan nyata pola pemilihan pengundi bandar, khususnya pengundi Cina, masih tegar menyokong pakatan pembangkang. Dianggarkan lebih 70 peratus pengundi Cina kawasan-kawasan bandar menolak Barisan Nasional (BN). Hal sama berlaku dalam beberapa pilihan raya kecil sebelumnya di Permatang Pauh, Bukit Selambau dan Bukit Gantang dan Sibul. Justeru itu, boleh disimpulkan pengundi bandar yang rata-ratanya terdiri daripada masyarakat Cina masih menolak BN. Apakah trend begini akan terus kekal atau berubah menjelang pilihan raya umum akan datang? Persoalan ini merupakan isu penting yang perlu difahami kerana ia bakal menentukan landskap politik dan arah aliran politik nasional pada masa depan. Persoalan besar yang belum terungkai ialah, apakah yang membuatkan pengundi Cina masih tegar menolak BN? Apakah mesej penting yang mereka ingin sampaikan? Apa yang mereka mahukan?

Bagi menjawab persoalan di atas, terdapat tiga teras utama yang sangat berpengaruh membentuk sikap dan pendirian politik etnik Cina. Malah ketiga-tiga aspek ini juga dianggap sebagai '*the three pillars of Chinese identity in Malaysia*' (Tiga Teras Identiti Cina - TTIC). Pertamanya ialah Pendidikan Cina; kedua, Media Cina dan ketiganya, ialah 'Huatuan' (Pertubuhan Cina). Sikap dan pemikiran politik masyarakat Cina dibentuk oleh ketiga-tiga unsur teras ini. Parti politik Cina juga tidak berupaya untuk mempengaruhi sikap politik masyarakat Cina berbanding dengan apa yang boleh dilakukan oleh TTIC ini. Sebaliknya, dalam kebanyakan isu dan senario sosiopolitik, parti politik Cina sering dipengaruhi oleh TTIC. Lebih ironis, parti politik Cina harus memperlihatkan simpati dan berkongsi perjuangan dengan TTIC jika tidak mahu dihukum dalam pilihan raya. Identiti Cina dipelihara, dicorakkan dan ditentukan oleh TTIC. Parti politik Cina pula dilihat hanya berperanan sebagai ejen menjayakan agenda perjuangan TTIC. TTIC mempunyai fungsi dan peranan penting dalam mempertahankan serta memperjuangkan isu mengenai identiti etnik Cina di Malaysia. Misalnya, teras pertama Pendidikan Cina - berfungsi mempertahankan dan mengembangkan kebudayaan dan bahasa Cina dalam kalangan masyarakat Cina supaya jati diri generasi Cina akan datang tidak hilang ditelan proses sosialisasi dan pembudayaan masyarakat Malaysia. Para pemimpin dalam sistem pendidikan Cina percaya bahawa tanpa sekolah Cina, bahasa dan kebudayaan Cina tidak mungkin dapat dipertahankan di negara ini. 'Dong Zhong' dan 'Dhong Jiao Zhong' adalah dua pertubuhan penting yang sering menjadi pejuang kepada pendidikan Cina di Malaysia.

Media Cina seperti akhbar, media elektronik dan media mayanya berperanan membangkitkan kesedaran isu dan masalah masyarakat dan identiti Cina di negara ini. Ia juga sangat berpengaruh membentuk sikap dan pemikiran masyarakat Cina. 'Huatuan' atau pertubuhan Cina pula mewakili dan menjaga pelbagai kepentingan masyarakat itu dalam bidang ekonomi dan perniagaan, bahasa dan kebudayaan serta pelbagai minat, kecenderungan masyarakat Cina. Terdapat hampir 3,000 pertubuhan Cina di Malaysia pada hari ini yang mewakili dan menjaga pelbagai kepentingan masyarakat Cina.

Nyatalah betapa masyarakat Cina sangat kuat berpersatuan dan mementingkan perpaduan dan penyatuan fikiran dalam memperjuangkan pelbagai kepentingan mereka. Justeru, pertubuhan Cina ini sangat aktif menjalankan pelbagai aktiviti mereka yang amat berpengaruh ke atas pemikiran masyarakat Cina dalam hampir semua hal termasuk politik. 'Huatuan' inilah NGO Cina yang sangat kuat pengaruhnya ke atas pemikiran dan sikap politik masyarakat Cina di Malaysia.

Kegagalan BN memperolehi undi Cina juga dikaitkan dengan krisis dalaman parti itu yang masih bersisa membuatkan pengundi Cina tidak mahu memilih BN pada pilihan raya kecil. Ia menyebabkan keyakinan pengundi etnik Cina terhadap MCA masih belum pulih sepenuhnya. Selepas PRU Ke-12 sehingga hari ini, MCA dilihat masih tidak berubah serta tidak memajukan parti untuk kebaikan masyarakat Cina. Ini menyebabkan masyarakat Cina berasa kecewa terhadap MCA. Kaum Cina kini kurang berminat bercakap mengenai isu perkauman atau agama sebaliknya mereka lebih mementingkan isu ketelusan dan keadilan dan berharap parti mempunyai pandangan tegas terhadap isu yang lebih besar berkaitan negara. Kaum Cina kini lebih mementingkan isu negara seperti perkembangan ekonomi, pembasmian rasuah, ketelusan dan kehakiman yang adil. Kaum Cina mahu pemimpin yang boleh membantu pembangunan ekonomi negara dan meningkatkan taraf hidup kaum itu. Walaupun Perdana Menteri sering mewartarkan gagasan 1 Malaysia, namun masyarakat Cina masih tidak merasakan ada perubahan dan melihat setiap keputusan Kerajaan Pusat masih berlandaskan kepada satu kaum sahaja. Dalam pada itu, Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) menjadi penghalang untuk mencapai gagasan '1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. PERKASA dilihat penghalang kepada gagasan 1 Malaysia dan menyebabkan masyarakat Cina berfikir Kerajaan (BN) kekal bersifat lebih mengutamakan sesuatu kaum seperti dahulu.

Selain itu, kaum Cina hilang keyakinan terhadap MCA kerana parti itu gagal menyelesaikan masalah masyarakat Cina dengan baik. Bahkan, MCA tidak mempertahankan pendapat dan tegas dalam menangani isu-isu nasional. Pandangan kaum Cina kini tidak lagi dihadkan kepada sesebuah parti yang mewakili masyarakat Cina untuk mempertahankan keperluan asas mereka. Parti yang disukai adalah parti yang layak mewakili Malaysia dan mempertahankan ketelusan serta keadilan di negara ini. Ini antara ciri-ciri yang tidak ada pada MCA. Jika BN mahu memenangi semula keyakinan masyarakat Cina, mereka perlu mewujudkan sebuah kerajaan yang seimbang, adil tanpa mengutamakan kaum-kaum tertentu sahaja. Masyarakat Cina di Malaysia adalah masyarakat yang begitu berminat dengan politik. Mereka adalah amat sensitif dan sentiasa mengikuti perkembangan politik Tanah Air dan memahami bahawa, sistem politik direka untuk kegunaan dan pemulangan untuk orang politik dan sesiapa saja yang menyokong ahli politik itu. Mereka sedar, sistem politik tidak dapat ditukar atau mengubah tetapi mereka perlu mencari posisi mereka dalam sistem politik itu sendiri. Isu utama dalam politik adalah kuasa (power). Sesiapa yang punyai kuasa ini, tentunya akan digunakan kuasa itu ke atas orang yang tidak punyai kuasa. Kuasa yang diberi pada ahli politik oleh pengundi selalunya dikawal oleh badan kehakiman yang mempertahankan Perlembagaan Negara yang diterima oleh majoriti rakyat dan inilah proses demokrasi. Walaupun hakikatnya kuasa politik itu berasal dari rakyat, tetapi kuasa politik itu akan menjadi hak ahli politik mutlak sehingga pilihan raya yang baru. Pilihan raya menentukan mandat baru, iaitu kepada siapa undi majoriti hendak diberikan sebagai pemegang kuasa tersebut.

Budaya politik etnik Cina menunjukkan mereka mempunyai pemikiran politik yang dinamik serta terbuka dalam memilih parti atau calon yang bertanding dalam setiap pilihan raya. Ini dapat dilihat dalam pilihan raya umum 1990 dan 1995 iaitu di negeri Pulau Pinang, bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) mereka mengundi BN untuk mengekalkan kesinambungan pembangunan negeri yang selaras dengan pemerintahan BN di peringkat Malaysia/Persekutuan namun bagi kawasan Parlimen pula, mereka menyokong DAP agar isu/masalah yang tidak diselesaikan oleh BN di peringkat negeri dapat disuarakan oleh wakil rakyat DAP di peringkat Parlimen/Negara seterusnya dapat mewujudkan situasi *check & balance*/sekat dan imbang terhadap kuasa politik BN di peringkat nasional. Pola pengundian etnik Cina lebih bersifat universal iaitu mementingkan isu nasional seperti isu rasuah, keadilan dan ketelusan berbanding isu lokal/setempat. Mereka juga bersifat 'berani berubah' secara total atau disebut sebagai 'tsunami politik' dengan memecah tembok 'status quo' BN di kawasan yang tidak pernah dimenangi

parti-parti pembangkang dan berperanan menumbangkan Kerajaan BN di Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah yang diterjemahkan melalui kuasa politik mereka iaitu undi. Keputusan politik etnik Cina juga menunjukkan undi mereka menjadi penentu kepada kemenangan mengikut kawasan dan pembentukan Kerajaan yang mempunyai jumlah kerusi di kawasan bandar yang dominan seterusnya dapat memecahkan hegemoni politik BN di negara ini.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, pola pengundian pengundi Cina masih berpihak kepada Pakatan Rakyat. Kaum Cina yang kebanyakannya tinggal di kawasan bandar yang sudah mempunyai kemudahan asas yang mencukupi serta mempunyai struktur ekonomi yang kukuh dan boleh bertahan mengikut cara mereka yang tersendiri; ditambah pula mempunyai akses maklumat melalui media alternatif seperti kemudahan jalur lebar/internet (blog, facebook dan twitter) dan SMS yang pantas dan pelbagai secara dominannya menyokong Pakatan Pembangkang/Pakatan Rakyat. Justeru, jika keadaan sedemikian berlarutan maka BN akan terus gagal mencapai kemenangan majoriti 2/3 kerusi Parlimen dan terus menjadi Pembangkang di negeri-negeri yang mempunyai kerusi yang majoritinya kaum Cina. Justeru, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pihak berkenaan untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi pilihan politik khususnya etnik Cina dan ini penting bagi mengatur strategi dalam pilihan raya yang akan datang. Kajian ini juga penting bagi memperkukuh dan memperkayakan lagi data, fakta dan maklumat kajian dalam bidang pilihan raya dan geografi politik di negara ini.

Rujukan

- Abdul Halim Sidek, Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Khaidzir Hj. Ismail (2010) Penolakan sentimen etnik dalam politik semasa Malaysia: Kes pilihan raya kecil 2009 Bukit Selambau. *Malaysian Journal of Society and Space (E-Geografia)* 6 (3), 46-56.
- Amer Saifude Ghazali (2008) Politik Etnik dalam Pilihan Raya Parlimen 2008 di Malaysia: Suatu analisis. In: Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline (eds) *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, Sabah.
- Amer Saifude Ghazali (2009) *Geografi pilihan raya Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Brown GK (2005) *Playing the (non) ethnic card: The electoral system and the ethnic voting patterns in Malaysia*. *Ethnopolitics* 4 (4), 429-445.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali (2009) Pola politik mengikut kaum di kawasan parlimen Bukit Gantang (P059). *Seminar Malindo-Nusantara (I)*. The Hills Bukittinggi Hotel, Bukittinggi, Sumatera Barat, Indonesia. Anjuran Universitas Andalas (UNAND), Padang, Sumatera Barat, Indonesia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. 16-17 Disember.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Khaidzir Hj. Ismail (2009) Pilihan raya kecil DUN Bukit Selambau (N25) April 2009: Satu tinjauan dari sudut etnik. *Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia Ke-11 (SKIM XI)*. Universitas Padjadjaran, Bandung, Jawa Barat, Indonesia. Anjuran Universitas Padjadjaran, Bandung, Indonesia dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. 10-12 November.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Mohd Faidz Mohd Zain (2010) Pilihan raya kecil kawasan parlimen Hulu Selangor 2010: Politik pembangunan dan pola pengundian. *Asia Pacific Conference (APC) On History, Politics & Strategic Studies And Climate Change*. At Faculty Of Social Sciences And Humanities (FSSK) and Senate Room. Organised by School of History, Politics & Strategy, Faculty of Social Sciences & Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. 29-30 November.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Khaidzir Hj. Ismail (2010) Analisis trend pengundian berdasarkan kaum di kawasan Bukit Gantang, Perak. *Jurnal E-Bangi* 5 (1), 26-37.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Mohd Faidz Mohd Zain. (2011a) Trend pengundian etnik Melayu dan Cina/Tionghoa dalam Pilihan Raya 2009-2011 di Malaysia. *Seminar Internasional Serumpun Melayu (SERUMPUN) 2011*. Fakultas Ilmu Budaya (FIB) Universitas Hasanuddin, (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Anjuran Universitas Hasanuddin (UNHAS) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 8-9 Jun.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir, Ahi Sarok (2011b) Pola pengundian mengikut etnik dalam Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak 2011. *Conference On Elections And Democracy In Malaysia 2011*. At Faculty of Social Sciences, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan, Sarawak. Organised by Faculty of Social Sciences, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan, Sarawak. 9-10 November.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali (2011) Pengukuhan hegemoni politik UMNO/BN melalui sokongan pengundi Melayu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Tenang, Kerdu dan Merlimau. *Simposium Kebudayaan Indonesia – Malaysia (SKIM) XII, 2011*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor dengan kerjasama Universitas Padjadjaran, Bandung, Jawa Barat, Indonesia. 29-30 November.
- Masni Sanol (2002) Faktor etnik dalam Pilihan Raya Parlimen P.161 Sandakan, Sabah. Latihan Ilmiah. Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mazlan Mutalib (2011) Ulasan keputusan Pilihan Raya Kecil Tenang [cited 6 April 2011]. Available from: <http://ureka.asia/2011/02/ulasan-keputusan-pilihan-raya-kecil-tenang/>.
- Mc Gee TG (1962) *The Malayan elections of 1959: A study in electoral geography*. The Journal of tropical Geography 16, 70-99.
- Mohd. Yusof Kasim, Azlan Ahmad (2002) Pendahuluan. In, Mohd Yusof Kasim, Azlan Ahmad (eds) *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. Penerbit UKM, Bangi.
- Nazli Aziz (2008) Pilihan Raya Umum ke-12 dan perhubungan kaum di Malaysia: Suatu “bicara”. In: Worrn Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib, Abdul Kadir Rosline (eds). *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, Sabah.
- Ng Tien Heng (2003) The contest for Chinese votes: Politics of negotiation or politics of pressure?. In: Francis Loh Kok Wah, Johan Saravanamuttu (eds) *New politics in Malaysia*, pp. 87-106. Institute of Southeast Asia Studies, Singapore.
- Pemerhatian di Lapangan (DUN Tenang, Johor: Felda Tenang, Felda Chempelak dan Felda Chempelak Barat, Kampung Redong, Pekan Labis dan Tenang Station), 29 Januari 2011.
- Rizal Yaakop, Jumaat Abd. Moen (2002) Politik etnik dan perkembangan politik baru. In: Mohd Yusof Kasim, Azlan Ahmad (eds) *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. Penerbit UKM, Bangi.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1959*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1964*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1969*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1974*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1978*. Kuala Lumpur, Malaysia.

- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1982*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1986*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1990*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1995*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1999*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 2004*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, *Helaian Mata/Score Sheet Keputusan Pilihan Raya Kecil DUN Tenang 2011*.
- Teh Ting Ting (1996) *Trend pengundian kaum Cina di Pulau Pinang*. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Vasil RK (1971) *Politics in plural society: A study of non-communal political parties in West Malaysia*. Oxford University Press, Kuala Lumpur.